

# Titik gempa hampir Malaysia

Kosmo. 27/3/2009 MS 2

Oleh MOHD. ALIF ABU BAKAR  
dan AFIFI HAFIZ MOHD. NOR  
berita@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Kekerapan kejadian gempa bumi sejak beberapa tahun kebelakangan ini dipercayai mengakibatkan kedudukan titik gempa di Sumatera, Indonesia beralih dan semakin menghampiri Malaysia.

Pakar geologi, Profesor Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan berkata, beliau tidak menolak kemungkinan itu kerana titik gempa biasanya akan mengalami pergerakan sebanyak satu sentimeter setahun jika gempa bumi kerap berlaku di sesebuah kawasan.

Beliau berkata, hakikat tersebut terbukti apabila penduduk negara kini semakin kerap merasai kesan gegaran gempa bumi yang berlaku di negara-negara sekitar rantau ini berbanding sebelum ini.

Terbaru gempa bumi berukuran 6.8 skala Richter berlaku di Myanmar kelmarin dengan kesan gegaran dapat dirasai oleh penduduk Perlis di utara Semenanjung Malaysia.

Jarak di antara titik gempa yang berlaku di Myanmar dan barat laut Kangar di Perlis yang hanya sejauh 1,613 kilometer itu juga menambahkan lagi kebimbangan banyakk pihak.

"Jika sebelum ini kita hanya merasai gegaran kecil akibat gempa bumi yang ter-



JARAK lokasi kejadian gempa bumi di Myanmar dengan Perlis.



MOHAMAD ALI

jadi di negara jiran namun selepas ini gegaran tersebut akan dirasai lebih kuat dan lebih kerap lagi.

"Ini bermakna kedudukan Malaysia di luar Lingkaran Api Pasifik tidak lagi memberi jaminan bahawa

gempa bumi tidak berlaku di negara kita pada masa depan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* Ahad semalam.

Menurut Mohamad Ali, selain titik gempa, kesan gempa yang berlaku di sekitar Asia Tenggara turut menggerakkan kepingan bumi di daratan termasuk ke arah Malaysia.

Dalam pada itu, letupan bagi mengukur kedalaman kerak bumi untuk mengenalpasti lokasi cari gali minyak turut menyumbang ke arah

pergerakan kepingan kerak bumi di lautan.

Tambahnya lagi, pembangunan pesat di kawasan bukit yang ditarah serta pokok-pokok yang ditebang menjejaskan struktur kerak bumi di daratan yang seterusnya mampu untuk mewujudkan gempa bumi di Malaysia.

"Gempa bumi hari ini bukan lagi satu bentuk bencana alam yang berlaku secara semula jadi tetapi kesan daripada eksploitasi manusia terhadap alam itu sendiri," katanya.

Sebelum ini, beberapa gegaran kecil dipercayai kesan daripada gempa bumi di negara jiran telah berlaku terutama di Janda Baik yang terletak di Bentong, Pahang sekitar tahun 2007 dan 2008 lalu.

● Lagi berita di muka 55

## Kronologi gempa dan tsunami di Asia Tenggara

**26 Disember 2004** - Gempa dasar laut sekuat 9.1 skala Richter dari pantai pulau Sumatera mencetuskan tsunami yang membunuh 220,000 mangsa di sekitar Lautan Hindi termasuk 168,000 nyawa di Aceh, Indonesia.

**28 Mac 2005** - Sekurang-kurangnya 900 maut apabila gempa dengan magnitud 8.6 pada skala Richter menggegarkan pulau Nias, Sumatera.

**27 Mei 2006** - Wilayah Yogyakarta dilanda gempa 6.3 skala Richter, mengorbankan 6,000 mangsa dan menyebabkan 1.5 juta penduduk hilang tempat tinggal.

**17 Julai 2006** - Sekurang-kurangnya 596 maut, lebih 9,500 cedera dan 74,000 yang lain hilang tempat tinggal setelah gempa dasar laut sekuat 7.7 skala Richter melanda pulau Jawa dan mencetuskan tsunami.

**6 Mac 2007** - Gempa berukuran 6.3 pada skala Richter menggegarkan pulau Sumatera, merobohkan bangunan dan mengorbankan sekurang-kurangnya 70 orang.

**2 April 2007** - Lebih 50 nyawa maut sementara ribuan yang lain hilang tempat tinggal selepas gempa 8.0 skala Richter melanda Kepulauan Solomon dan menyebabkan tsunami.

**2 September 2009** - Gempa 7.0 skala Richter menggegarkan Tasik Malaya, Pulau Jawa yang mengorbankan seramai 123 orang sehingga mencetuskan tanah runtuh.

**30 September 2009** - Satu gempa bumi 7.6 pada skala Richter berlaku di Padang, Sumatera, Indonesia dan seramai 704 mangsa mati.

**11 Mac 2011** - Dianggarkan 10,000 maut akibat gempa bumi dan tsunami di Jepun.

**24 Mac 2011** - Seramai 75 orang terkorban akibat gempa bumi berukuran 6.8 skala Richter di Myanmar dengan kesan gegaran dapat dirasai di Perlis, Malaysia.

Sumber: AFP